



**JABATAN KERJA RAYA NEGERI KEDAH DARUL AMAN
TINGKAT 5, BANGUNAN SULTAN ABDUL HALIM
JALAN SULTAN BADLISHAH
05582 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-7748000**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **jawatan tetap** di **Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman**

BIL	JAWATAN	GREDE	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLAFIKASI PERKHIDMATAN
1.	Pemandu Kenderaan	H11	Pelaksana	Kemahiran
2.	Pembantu Awam	H11	Pelaksana	Kemahiran

CARA MEMOHON / SYARAT LANTIKAN

1. PEMANDU KENDERAAN GREDE H11 (TETAP)

GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
H11	RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan;
(ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan

(iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D :RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 :RM 1,310.30
- Lesen F/H :RM 1,356.45
- Lesen G/I :RM 1,402.60

(Keutamaan pemohon yang memiliki Kelas Lesen E dan keatas)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun dan perlu mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

2. PEMBANTU AWAM GRED H11 (TETAP) - (LELAKI SAHAJA)

GREDDAJI	GAJIMINIMUM	GAJIMAKSIMUM	KADARKENAIKANGAJITAHUNAN
H11	RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun dan perlu mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT:

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang boleh didapati sendiri di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman atau mendapatkan borang secara pos dengan menyertakan sampul surat beralamat sendiri berukuran 11sm x 25sm dan bersetem atau melalui **LAMAN WEB** www.jkrkedah.gov.my.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - (a) Kad Pengenalan diri;
 - (b) Sijil Kelahiran;
 - (c) Sijil berhenti sekolah;
 - (d) Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)*Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon;
 - (e) Lesen Memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan;
 - (f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
 - (g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh pegawai kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu Mukim atau Jaksa Pendamai.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini

sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

5. Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman
Tingkat 5, Bangunan Sultan Abdul Halim
05582 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN
(u.p Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)

TARIKH TUTUP : 05 JULAI 2018 (KHAMIS)